From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: LAPAN ANAK ORANG ASLI JEJAK KAKI KE UUM, ALIA BAWA HARAPAN KELUARGA DAN KOMUNITI
Date: Thursday, 17 September, 2026 2:40:06 PM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Zulaidah Mat Said
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

LAPAN ANAK ORANG ASLI JEJAK KAKI KE UUM, ALIA BAWA HARAPAN KELUARGA DAN KOMUNITI



UUM ONLINE: SINTOK, 15 September 2026 – Impian untuk melangkah ke menara gading kini menjadi kenyataan buat lapan pelajar Orang Asli yang menerima tawaran melanjutkan pengajian ke Universiti Utara Malaysia (UUM), termasuk Alia a/p Alfreddony, anak muda daripada komuniti Orang Asli Semai dari Perak.

Bagi Alia, peluang menjejakkan kaki ke UUM bukan sekadar permulaan kepada sebuah perjalanan akademik, malah menjadi ruang untuk membuktikan bahawa latar belakang bukan penghalang untuk mengejar cita-cita dan membina masa depan yang lebih baik.

Anak tengah daripada tiga beradik itu berasal daripada keluarga sederhana dengan bapanya bekerja sendiri manakala ibunya merupakan suri rumah.

Walaupun datang daripada latar belakang tersebut, Alia berjaya mencatat keputusan CGPA 3.67 dalam STPM selepas menamatkan pengajian di Kolej Tingkatan Enam Tapah.

Lebih bermakna, pengajiannya di UUM turut mendapat tajaan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).



Menurut Alia, keputusannya untuk melanjutkan pengajian ke universiti didorong oleh keinginan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik, lebih stabil serta mencuba pengalaman baharu yang sebelum ini belum pernah dilaluinya.

“Saya nak mendapatkan kehidupan yang lebih baik dan berbeza daripada kehidupan saya sekarang. Saya juga mahu hidup dengan lebih stabil dan cuba benda-benda baharu yang belum pernah saya cuba sebelum ini,” katanya.

Walaupun UUM bukan pilihan pertama Alia, beliau memilih untuk melihat kekecewaan tidak mendapat tawaran ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai satu aturan rezeki yang membawanya ke UUM.

“Awalnya agak kecewa, tetapi saya anggap rezeki saya bukan di sana, tetapi di UUM,” katanya.

Pemilihan UUM juga dibuat berdasarkan bidang pengajian yang mempunyai kaitan dengan subjek yang dipelajarinya ketika STPM, khususnya pengajian perniagaan dan ekonomi.

Bagi Alia, pengalaman berada di UUM bukan hanya untuk mengejar kecemerlangan akademik, tetapi juga peluang untuk keluar daripada zon selesa, membina keyakinan diri dan belajar berkomunikasi dengan masyarakat daripada pelbagai latar belakang.

Beliau berharap selepas tamat pengajian nanti, dapat memperoleh pekerjaan dalam bidang yang diceburinya, menjadi lebih berdikari, membina kehidupan yang stabil serta membantu keluarganya.

Pada masa sama, Alia turut menyimpan hasrat untuk kembali menyumbang kepada komuniti Orang Asli sekiranya diberikan peluang.



Buat anak muda Orang Asli yang mempunyai impian untuk melanjutkan pengajian ke universiti, Alia berpesan supaya tidak takut mencuba dan tidak mudah berputus asa.

“Kalau ada peluang untuk sambung belajar, ambillah dan jangan mudah putus asa. Kalau ada peluang, cuba saja. Sekurang-kurangnya kita sudah mencuba.”

Beliau turut mengingatkan golongan muda Orang Asli supaya tidak berasa malu atau rendah diri dengan latar belakang mereka.

“Jangan rasa malu dan rendah diri dengan latar belakang kita. Kita pun sama macam orang lain yang ada impian.”

Bagi Alia, kejayaan melangkah ke UUM bukanlah noktah, sebaliknya permulaan kepada perjalanan untuk melihat sejauh mana dirinya mampu berkembang dan mencapai sesuatu yang lebih besar.

“Saya nak buktikan kepada diri sendiri yang saya boleh keluar dari zon selesa dan sesuaikan diri dengan perkara yang berbeza. Saya nak tengok sejauh mana saya boleh berkembang dan apa yang boleh saya capai di sini,” katanya.

Kisah Alia bersama tujuh lagi pelajar Orang Asli yang ditawarkan ke UUM menjadi cerminan bahawa peluang pendidikan mampu membuka jalan kepada generasi muda Orang Asli untuk melangkah lebih jauh, membina masa depan dan suatu hari nanti kembali menyumbang kepada komuniti mereka.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.